



## **KOLEJ METHODIST KUALA LUMPUR** **NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

**WESLEYAN EDUCATION SERVICES SDN BHD (2001 01 005044)**, yang berlesen untuk beroperasi sebagai **METHODIST COLLEGE KUALA LUMPUR ("MCKL")**, menghargai kepercayaan anda dan berkemited untuk memproses dan melindungi data peribadi anda secara bertanggungjawab. Sila baca Notis Perlindungan Data Peribadi ini untuk memahami bagaimana kami memproses data peribadi anda menurut **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA")**.

Data peribadi adalah maklumat yang diperolehi secara langsung dan/atau tidak langsung, yang boleh digunakan untuk membezakan atau mengenalpasti anda, sama ada secara data sendiri atau apabila digabungkan dengan data-data lain. Semasa anda berinteraksi dengan MCKL, data peribadi anda (termasuk data yang dikategorikan sebagai 'data peribadi sensitif' di bawah PDPA) pasti akan dikumpulkan dan diproses oleh MCKL. Anda memahami bahawa apabila anda berkongsi data peribadi anda dengan MCKL dan menandakan persetujuan anda kepada polisi perlindungan data peribadi kami, anda telah memberikan persetujuan secara nyata kepada MCKL bagi pemprosesan data peribadi anda, termasuk data peribadi sensitif anda.

Dari semasa ke semasa, pindaan atau kemaskini mungkin dibuat kepada polisi kami mengikut keperluan undang-undang dan/atau institusi. Sebarang pindaan akan dimaklumkan melalui laman web MCKL. Sila semak laman web kami dari semasa ke semasa untuk mengetahui polisi dan amalan terkini MCKL mengenai data peribadi. Penggunaan berterusan perkhidmatan kami oleh anda pada atau selepas tarikh pindaan bermakna anda bersetuju dengan semakan yang berkenaan.

### **1. Apakah jenis data peribadi yang dikumpul oleh MCKL?**

MCKL bertujuan untuk hanya mengumpul data peribadi yang semunasabahnya diperlukan untuk perkhidmatan dan aktiviti berkaitan kami dan fungsi-fungsi yang sah. Data peribadi anda yang kami kumpulkan dan proses termasuk tetapi tidak tertakluk kepada maklumat-maklumat berikut:-

- Data Umum: Nama, maklumat pengenalan (NRIC/pasport), tarikh lahir, jantina, kewarganegaraan, bangsa, maklumat imigresen/visa, alamat (rumah & elektronik), nombor telefon, talian kecemasan dan butiran hubungan lain;
- Data peribadi sensitif: Maklumat mengenai kesihatan dan keadaan fizikal atau mental, status vaksinasi & maklumat berkaitan, kepercayaan agama, pelakuan apa-apa kesalahan;
- Akademik: Rekod akademik, keputusan peperiksaan, anugerah & pencapaian lain, perkara salah laku dan perkara disiplin;
- Kewangan: Maklumat tentang kad kredit, akaun bank, fail cukai, pendapatan rumahtangga dan maklumat kewangan lain;
- Imej & rakaman: Gambar, imej digital, rakaman video & audio, temu bual, rakaman keselamatan/CCTV;
- Teknologi: Data daripada platform teknologi, sistem dan/atau peralatan MCKL – cth., pengimbas masuk/suhu, log akses internet, Microsoft Teams, UCMS, Portal Pelajar dan sistem institusi lain; dan
- Maklumat-maklumat lain anda yang mungkin kami kumpul dan proses dari semasa ke semasa yang yang dikehendaki oleh undang-undang dan/atau dibenarkan oleh anda.

Anda mempunyai hak untuk memutuskan maklumat yang ingin anda berikan kepada kami. Walau bagaimanapun, harap maklum bahawa kami tidak akan dapat mempertimbangkan/memproses permohonan anda, atau memberikan anda perkhidmatan kami, atau mentadbir kontrak/urus niaga anda dengan kami, jika anda berputus untuk tidak membekalkan kepada kami data peribadi yang diperlukan, atau data yang dibekalkan kepada kami tidak lengkap atau tidak tepat.

Dalam keadaan di mana anda memberikan kami maklumat yang berkaitan dengan orang lain (cth., ibu bapa, penaja), anda menyatakan dan menjamin kepada kami bahawa anda telah mendapat persetujuan pihak-pihak tersebut untuk berkongsi maklumat mereka dengan MCKL.

## 2. Bagaimana MCKL mengumpul data peribadi anda?

Data peribadi anda yang kami pegang dan proses telah terutamanya dibekalkan kepada kami oleh anda atau diperolehi oleh kami melalui sumber yang dibenarkan oleh anda, termasuk:-

- Borang-borang pendaftaran dan permohonan yang diserahkan oleh anda – cth., untuk pendaftaran, biasiswa/bursa, kem & lawatan lapangan, kelab & persatuan, permintaan loker, akses perpustakaan, latihan amali, pengijazahan, penempatan universiti;
- Pameran-pameran pendidikan, laman web/mikrosite MCKL, jerayawara, persidangan, seminar, forum awam, acara, kempen & aktiviti pemasaran lain, pertanyaan talian, platform media sosial, platform IT dan sistem dalam talian, media digital lain;
- Institusi pakatan, penaja, pihak ketiga yang diberi kuasa, ejen pemasaran atau pengambilan, rakan kongsi perniagaan;
- Sumber-sumber lain di mana anda telah memberikan kebenaran anda untuk menzahirkan data peribadi anda (cth., institusi kewangan, rujukan peribadi, penaja);
- Di mana data tersedia secara umum atau dibenarkan secara sah.

## 3. Bagaimanakah MCKL menggunakan data peribadi anda?

Secara asasnya, kami menggunakan data peribadi anda untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan, akademik dan hal-ehwal pelajar kami, serta perkhidmatan lain yang telah dipersetujui. Tujuan-tujuan dan/atau keadaan-keadaan tertentu di mana data peribadi anda digunakan oleh pihak kami termasuk senarai berikut:-

- Untuk mengendali permohonan pendaftaran kemasukan anda, memproses permohonan biasiswa atau bantuan kewangan anda, menyampai program akademik anda serta aktiviti-aktiviti kokurikulum, memantau kemajuan anda serta mengenalpasti pencapaian akademik anda;
- Untuk berhubung dengan rakan-rakan seprogram, lembaga-lembaga peperiksaan dan agensi penguatkuasa (tempatan dan antarabangsa) untuk memudahkan dan membolehkan program-program dan penilaian yang relevan berkaitan dengan permohonan pendaftaran anda;
- Untuk menyediakan perkhidmatan sampingan seperti bantuan keperluan kediaman, permohonan visa, kemudahan berkaitan teknologi maklumat, permohonan seterusnya ke institusi pengajian tinggi, perkhidmatan berkaitan program/latihan amali/praktikum atau aktiviti lain yang serupa;
- Untuk berkomunikasi dengan anda, termasuk mengenai perkara akademik/pentadbiran, invoice pembayaran, keputusan akademik, pengumuman, kursus atau acara yang akan datang;
- Untuk aktiviti berkaitan pemasaran termasuk penyiaran laman web dan media sosial, penerbitan cetak, acara-acara;
- Untuk tujuan-tujuan analisis statistik, pengurusan rekod, pentadbiran, inisiatif keselamatan di kampus (secara fizikal dan dalam talian);
- Untuk mematuhi kewajipan atau keperluan undang-undang, peraturan dan audit.

## 4. Dalam keadaan apakah MCKL akan menzahirkan data peribadi anda?

Kami tidak menjual data peribadi kepada pihak-pihak lain dalam apa jua keadaan. Data peribadi anda hanya akan dizahirkan jika perlu untuk menyokong perkhidmatan kami kepada anda menurut persetujuan anda, atau jika kami mempunyai asas yang sah, atau sekiranya penzahiran diarahkan atau dimandatkan di bawah undang-undang. Keadaan sedemikian mungkin termasuk penzahiran kepada pihak-pihak ketiga yang berikut:-

- Badan-badan atau institusi-institusi akademik, profesional, kawal selia atau akreditasi (dalam dan luar Malaysia) mengikut keperluan program anda – cth., ACCA, CAIE, WACE, universiti untuk meneruskan program artikulasi atau ijazah;
- Pihak yang menyokong pengajian anda dengan bantuan kewangan atau bantuan lain, dan/atau di mana anda telah memberikan persetujuan anda – cth., ibu bapa, penjaga sah, penaja biasiswa, rakan industri;
- Pembekal perkhidmatan atau pihak ketiga lain (dalam dan luar Malaysia) yang digunakan oleh MCKL untuk menyampaikan perkhidmatan kami - cth., pembekal tempat persidangan/perkemahan, penganjur latihan atau acara, syarikat insurans, penasihat profesional, penyedia perkhidmatan IT;

- o Agensi penguatkuasaan undang-undang, pihak berkuasa tempatan, badan kerajaan, pengawal selia industri, jika terpaksa mengikut instrumen undang-undang – cth., Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, dan kedutaan asing (jika berkenaan);
- o Sekiranya MCKL percaya, atas alasan yang munasabah, bahawa penzahiran adalah perlu untuk mencegah atau mengurangkan ancaman kepada keselamatan am atau sesiapa pihak.

Sekiranya data peribadi anda dizahirkan, kamiengehadkannya setakat yang diperlukan untuk memenuhi tujuan penzahiran tersebut. Kami juga mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa terdapat asas yang sah untuk penzahiran dan/atau pihak ketiga tersebut turut tertakluk kepada undang-undang dan/atau kewajipan perlindungan data peribadi.

## 5. Bagaimanakah MCKL melindungi data peribadi anda?

Kami menyimpan segala data-data peribadi dengan selamat dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa hanya mereka yang memerlukan akses untuk tujuan menjalankan perkhidmatan atau kewajipan kami kepada anda akan diberikan akses. Langkah berjaga-jaga juga diambil untuk memastikan bahawa system dan prosedur yang kami gunakan adalah mencukupi dan selamat.

## 6. Berapa lamanya akan MCKL meyimpan data peribadi anda?

Kami akan menyimpan data peribadi anda selama mana yang diperlukan untuk memenuhi tujuan pengumpulan data tersebut. Data peribadi anda akan dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal mengikut polisi kami selepas tempoh yang ditentukan. Sebagai rekod institusi rasmi yang sah atau di mana dikehendaki oleh pihak berkuasa atau menurut undang-undang, MCKL boleh menyimpan data peribadi minimum tertentu anda untuk tempoh yang lebih lama.

## 7. Apakah hak-hak anda?

Anda mempunyai hak tertentu berhubung dengan pemprosesan data peribadi anda di bawah PDPA. Hak anda termasuk yang berikut:-

- o Hak untuk menarik balik persetujuan: Anda boleh menarik balik kebenaran terhadap pemprosesan data peribadi anda pada bila-bila masa melalui notis bertulis. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa jika anda menarik balik persetujuan anda, pihak kami tidak lagi dapat menjalankan perkhidmatan kami kepada anda dan/atau menjalankan transaksi dengan anda.
- o Hak untuk mengakses data peribadi anda dan/atau untuk membuat pembetulan: Anda berhak mengetahui apakah data peribadi anda yang sedang diproses oleh kami. Anda juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi anda yang berada di dalam rekod kami adalah tepat, lengkap dan terkini. Anda berhak untuk meminta akses yang munasabah kepada data peribadi anda dan untuk membetulkan atau meminda sebarang maklumat yang tidak tepat.
- o Hak untuk menghalang pemprosesan: Anda boleh meminta kami menghentikan aktiviti pemprosesan atas data peribadi anda secara sementara atau kekal, terutamanya jika pemprosesan itu mungkin menyebabkan distress yang substansial kepada anda.
- o Hak untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung: Anda juga boleh meminta kami menghentikan pemprosesan data peribadi anda bagi maksud pemasaran langsung (jika ada) sekiranya anda tidak mahu menerima maklumat atau mesej pemasaran daripada MCKL.

## 8. Bagaimanakah anda boleh menghubungi kami?

Jika anda ingin menggunakan mana-mana hak anda, atau mempunyai sebarang pertanyaan atau kebimbangan berkenaan dengan data peribadi, sila lengkapkan **BORANG PERMINTAAN DATA PERIBADI** (sila rujuk kepada laman web) dan e-melkannya kepada kami di alamat e-mel berikut:

- Data peribadi berkaitan Pelajar: [registrar@mckl.edu.my](mailto:registrar@mckl.edu.my)
- Data peribadi berkaitan Pemasaran: [marketing@mckl.edu.my](mailto:marketing@mckl.edu.my)
- Nombor Telefon: +(603) 2274-1851

Untuk tujuan keselamatan, kami berhak untuk mengesahkan identiti anda sebelum kami bertindak atas sebarang permintaan. Sila ambil perhatian bahawa PDPA membenarkan kami mengenakan bayaran fi untuk

permintaan akses data. Anda juga memahami bahawa kami mungkin mempunyai asas yang sah untuk tidak memenuhi permintaan anda dalam keadaan tertentu.

Notis ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang konflik atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

**Tarikh: Februari 2022.**